

Lawatan ke UMSKAL pupuk minat pelajar SMK Taman Perumahan Bedaun

UB 21.11.2019 16

LABUAN: Lawatan ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) memupuk minat pelajar SMK Taman Perumahan Bedaun untuk berusaha gigih memasuki IPTA dalam tempoh tiga tahun lagi.

Guru Penyelaras Program Noorain Mohd Tuah yang mengetuai 23 pelajar tingkatan empat berharap mereka akan menjadikan lawatan ke UMSKAL itu sebagai titik tolak untuk meneruskan pembelajaran dengan bersungguh-sungguh bagi menghadapi SPM pada tahun hadapan.

"Ruang dan peluang terbuka luas buat pelajar SMK Taman Perumahan Bedaun bukan sahaja untuk memasuki IPTA tetapi juga peluang kerjaya di UMS pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sempena Lawatan Kerjaya 2019 Kelab Pengguna, PNB dan Koperasi SMKTPB ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Turut menyertai lawatan



ALBUM: Zamri (empat kanan) bersama murid dan guru SMK Taman Perumahan Bedaun yang mengadakan Lawatan Kerjaya ke UMSKAL, kelmarin. Turut kelihatan Nooralisa (tiga kanan) dan Noorain (dua kanan).

itu ialah dua orang guru Nurul Faezah Abdullah dan Abdul Kadir Ali.

Lawatan Kerjaya 2019 Kelab Pengguna, PNB dan Koperasi itu bertujuan memberi pendedahan laluan kerjaya selepas SPM, pendekahan kursus bersesuaian dan memupuk minat pelajar


untuk memilih laluan kerjaya yang bersesuaian.

Terdahulu Pensyarah FKI Nooralisa Mohd Tuah menyampaikan taklimat mengenai FKI di Dewan Kuliah A, Bangunan Menara.

Sementara itu, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohd Tuah

mengalu-alukan kunjungan pelajar dan guru sekolah itu ke UMSKAL.

Beliau berharap UMSKAL sebagai satu-satunya IPTA yang wujud di Wilayah Persekutuan Labuan ini mampu menyuntik semangat pelajar untuk merebut ruang dan peluang yang terhidang



MESYUARAT: Pelajar SMK Taman Perumahan Bedaun mengadakan 'mesyuarat' di Bilik Mesyuarat Layangan di Aras 11.

itu untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM pada tahun hadapan.

"Kewujudan UMSKAL merupakan simbol kepentingan ilmu dalam hidup seorang individu khususnya pelajar dan ibu bapa.

"Kami berharap pelajar

tempatan akan belajar bersungguh-sungguh memperolehi keputusan yang cemerlang untuk bersaing dengan pelajar lain sebelum memasuki IPTA," katanya selepas menerima cenderamata daripada Noorain di Cafe Kesumba, Aras 11.

Rombongan pelajar turut

melawat ke Aras 13 dan Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Tingkat 9, bilik mesyuarat Aras 11 serta Bilik Eureka.


"Kami ucapkan terima kasih kepada Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Haji Halik yang sudi menerima kunjungan murid Tahun Enam yang bakal memasuki UMSKAL pada masa akan datang," kata Noorain yang mewakili Penolong Kanan Pentadbiran Ag Rozlan Haji Manan.

Murid dan guru teruja ketika berada di Makmal FKI yang canggih selain terpesona dengan pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan yang dapat dilihat dari Aras 13 yang turut memuatkan Balai Cerapan.

UMSKAL kini menawarkan tujuh program iaitu lima di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan dua program di FKI.



SANTAI: Pelajar SMK Taman Perumahan Bedaun berehat santai di Bilik Eureka, Bangunan Menara UMSKAL.



NIKMATI KEINDAHAN: Nooralisa (kiri) bersama guru dan pelajar SMK Taman Perumahan Bedaun menikmati pemandangan menarik dari Aras 13.